

Najib akui curiga dengan Jho Low

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Sekitar Apri 2015, rakan kepada keluarga bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak iaitu ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low atau Low Taek Jho telah memberi wawancara kepada wartawan sebuah portal, *Euromoney* antara lainnya menyentuh isu penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam wawancara itu, lelaki yang Najib harapkan untuk membawa keuntungan yang banyak kepada Malaysia secara tidak langsung telah meletakkan kesalahan terhadap bekas Ahli Parlimen Pekan itu.

Mohamad Mustaffa: Saya katakan berdasarkan keterangan ini, Jho Low sebenarnya telah cam-

pak Datuk Seri ke bawah bas?

Najib: Tak setuju.

Mohamad Mustaffa: Saya katakan Datuk Seri tak tahu dari mana wang yang masuk dalam akaun Datuk Seri tetapi Datuk Seri tahu bagaimana hendak membelanjakannya.

Najib: Duit tu datangnya dari Arab Saudi, duit dari Raja Abdullah. Pengetahuan saya adalah setakat itu.

Mohamad Mustaffa: Saya katakan, Jho Low adalah imej cermin (*mirror*) imej Datuk Seri dalam menjalankan urusan dalam 1MDB.

Najib: Tidak, tidak tidak. Saya tak setuju.

Rabu lalu, Najib ketika disoal balas menyatakan, walaupun telah mendengar yang mengaitkan Jho Low dengan penyelewengan dana 1MDB, beliau masih lagi

menggunakan 'khidmat' lelaki berasal dari Pulau Pinang itu atas alasan ingin ingin menggunakan hubungan baik ahli perniagaan itu dengan China.

Jho Low dalam artikel *Euromoney* dilaporkan berkata: "Adakah anda memberitahu saya (Jho Low), perdana menteri tidak membuat keputusan sendiri? Bahawa kementerian, menteri kewangan, yang merupakan perdana menteri dan terdapat hanya dua hingga tiga orang di kementerian kewangan yang menandatangani resolusi pemegang saham di bawah undang-undang hanya menandatangani tanpa menilainya?"

"Adakah orang yang sepatutnya bertanggungjawab membuat keputusan (di 1MDB) tiba-tiba memutuskan untuk melepaskan semua tanggungjawab mereka

dan kemudian mencipta kempen PR ini dengan saya (Jho Low) sebagai tumpuannya?"

Pada prosiding semalam, Najib mengulangi kenyataan sama ketika disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Mustaffa P. Kunyalam.

Mohamad Mustaffa: Saya katakan, walaupun Datuk Seri kata Datuk Seri ada rasa ragu-ragu curiga dengan Jho Low sekitar 2015, Datuk Seri masih lagi gunakan khidmatnya.

Najib: Sebab ada matlamat yang perlu dicapai.

Mohamad Mustaffa: Saya katakan, walaupun Datuk Seri kata Datuk Seri ada rasa ragu-ragu curiga dengan Jho Low sekitar 2015, Datuk Seri tak ambil sebarang tindakan terhadapnya.

Najib: Saya serahkan kepada agensi untuk menyasat.

Mohamad Mustaffa: Datuk Seri sepatutnya menjauhkan diri daripada Jho Low terutamanya apabila berita tidak elok Jho Low tersebar atau selepas Pengerusi *The Edge*, Tan Sri Tong Kooi Ong memberitahu Datuk Seri mengenai Jho Low dan mengambil tindakan terhadap Jho Low.

Najib: Tidak setuju.

Mohamad Mustaffa: Tindakan Datuk Seri tidak menjauhkan diri daripada Jho Low juga adalah satu pelanggaran Kod Etika Anggota-Anggota Pentadbiran.

Najib: Tidak setuju.

Najib berkata demikian pada prosiding bela diri yang kini dijalankan di Istana Rehakiman, Putrajaya.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah yang kini Hakim Mahkamah Rayuan bersambung Isnin ini.